

## MODUL KECEMERLANGAN SPM TAHUN 2023 TINGKATAN 5 2023

BAHASA MELAYU ( 1103/2 )

Kertas 2

2 Jam 30 Minit

Dua Jam Tiga Puluh Minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

---

1. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian : Bahagian A , Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. **Kertas jawapan dan soalan hendaklah diserahkan kepada pengawas pada akhir pentaksiran.**

---

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

## BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan telitinya, kenal pasti dan senaraikan empat kata adjektif. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kad pengenalan pertama yang bermutu tinggi digunakan oleh rakyat Malaysia. Sistem 12 angka nombor unik turut diperkenalkan, iaitu setiap individu di Malaysia mempunyai sistem nombor unik yang berbeza. Sebelum ini kad pengenalan ini mempunyai ciri keselamatan yang tinggi, gambar hitam dan putih, cap ibu jari kiri dan kanan, mempunyai maklumat diri serta bersalut. Namun kini, MyKad baharu diperkenalkan dengan penambahbaikan iaitu penggunaan gambar berwarna dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lebih canggih.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
buku teks bahasa Melayu Tingkatan 4,  
Kementerian Pendidikan Malaysia)

[8 markah]

- 2 *Baca petikan dialog di bawah dengan teliti. Nyatakan sama ada Ayat Larangan, Ayat Permintaan, Ayat Silaan atau Ayat Suruhan bagi ayat yang bergaris tersebut.*

- Aiman : (i) Jangan kamu asyik berbual-bual sahaja. (ii) Siapkan tugas yang telah diberikan oleh cikgu.
- Hairul : Kami berbincang untuk jawab soalan latihan ini, Aiman.
- Irfan : Aiman, (iii) tolong semak jawapan kami. Kalau salah, boleh kami terus betulkan.
- Aiman : (iv) Baca petikan dengan teliti. Ada maklumat yang perlu kita ambil berdasarkan petikan teks tersebut.
- Hairul : Betul kata Aiman. Kita tergesa-gesa untuk menyiapkan tugas hingga terlupa untuk meneliti semua maklumat yang diberikan.
- Irfan : Inilah akibatnya jika kita tidak fokus semasa menjawab soalan. Kesilapan begini akan menyebabkan kita tidak mendapat markah.
- Pengawas : Maaf mengganggu. (v) Sila bergerak ke dewan sekarang. Program ceramah motivasi akan bermula sebentar lagi.
- Aiman : Baiklah, kami bergerak ke dewan sekarang. Hairul, (vi) tolong tutup pintu kelas sebelum kamu beredar.

[6 markah]

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

### Bahan 1

#### Mersing

Daerah Mersing sememangnya popular dengan produk berdasarkan hasil laut selain memiliki banyak pulau yang cantik dan mempersonakan di pesisiran pantainya. Mersing mempunyai tiga puluh enam bidang pulau di sekitar perairannya. Keenakan keropok lekor, kehalusan kraftangan buatan masyarakat setempat dan keindahan pulau eksotiknya ternyata menyerlahkan keistimewaan daerah ketiga terbesar di Negeri Johor ini.

Selain layanan ramah mesra dan suasana persekitaran yang bersih, harga barangan mahupun perkhidmatan yang bersesuaian turut menggamit pengunjung dari luar untuk datang dan kembali ke daerah peranginan ini. Barangan cenderamata seperti kemeja-T dan rantai kunci boleh pengunjung beli di Plaza R&R dekat Jeti Mersing. Bagi penggemar keropok lekor, produk ini boleh dibeli di gerai Mersing Kanan manakala keropok kering dan hasil laut lain seperti ikan masin dan sotong kering pula boleh dibeli di Jalan Jemaluang.

Sumber : <http://www.mdmersing.gov.my>

[5 markah]

**Bahan 2**

No. 39, Jalan Damai,  
Taman Mawar,  
81900 Kota Tinggi,  
Johor Darul Takzim.

6 June 2023.

Menemui sahabatku Azlan, yang berada di Kuala Terengganu. Semoga saudara dan keluarga berada dalam keadaan sihat dan sejahtera.

Saudara Azlan,

Apa khabar saudara dan keluarga di sana? Saya ingin memohon maaf kerana agak terlambat untuk membalas surat saudara tempoh hari. Tampaknya saudara sangat minat untuk mengetahui tempat dan kawasan pelancongan di Johor. Kali ini saya ingin ceritakan mengenai Desaru

Pantai Desaru merupakan destinasi pelancongan yang sentiasa menjadi fokus penduduk disekitar Johor Bahru dan juga Singapura serta pelancong lain dari dalam dan juga luar negara. Keindahan dan kecantikan alam semulajadi serta udara yang nyaman sentiasa menjadikan Desaru sebagai sebuah tempat yang sesuai untuk bersantai bersama dengan keluarga. Selain itu, berbagai aktiviti di pantai dapat dilakukan di sini. Antara aktiviti yang sentiasa menjadi tarikan ialah luncur jet, parasailing dan menunggang kuda.

Setakat ini sahaja yang sempat saya tuliskan buat saudara nun jauh di sana. Akhir kata, sambutlah salam mesra dari saya dan keluarga.

Yang Benar,

*Arif Harun*  
(Aiman Arif Harun)

[6 markah]

- 4 *Baca petikan Bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya*

Hatta, maka pada sekali peristiwa Seri Nara Diraja duduk di balai, dihadap orang banyak. Maka Tun Nina Madi pun lalu, disuruh naik duduk dekat, lalu diribanya oleh Seri Nara Diraja. Maka kata Seri Nara Diraja pada segala orang yang duduk itu, "Tahukah tuan hamba sekalian bahawa ia ini anak hamba?"

Maka sembah segala orang banyak itu, "Sahaya semua tahu juga; oleh tuanku tiada mengaku, semua takut mengatakan dia anak tuanku."

(Dipetik daripada *Burung Terbang Dipipiskan Lada* dalam antologi *Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia )

[4 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian berikan peribahasa yang sesuai pada ruangan kosong yang diberikan.*

KUALA LUMPUR, Selasa - Pengorbanan guru mendidik kita tanpa jemu tidak akan pernah terbalas. Oleh itu, mereka perlu dihargai dan kita tidak sewajarnya bersikap (i) \_\_\_\_\_ apabila sudah berjaya dalam kehidupan. Guru akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memastikan anak-anak muridnya mencapai keputusan yang cemerlang kerana (ii) \_\_\_\_\_. Guru juga ada yang ditugaskan di kawasan pedalaman yang kurang kemudahan asas. Namun, semua cabaran ini bukanlah penghalang bagi guru-guru kerana bagi mereka, (iii) \_\_\_\_\_.

(Dipetik dan diubah suai daripada *Jasa Guru Mencerahkan Ilmu Tidak Ternilai* oleh Faizatul Farhana Farush Khan *bharian.com.my*, 13 Mei 2020)

[6 markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

[35 markah]

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Tokoh Warisan Orang Hidup Kebangsaan, Datuk Dr. Aripin Said berkata, Malaysia sebuah negara kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional yang 'tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas'. Jelasnya, permainan seperti congkak, gasing, galah panjang, batu seremban, teng-teng, tarik upih, konda-kondi dan ketinting diamalkan masyarakat dahulu sebagai mengisi masa lapang.

Datuk Dr. Aripin berkata, permainan tradisi yang dimainkan secara berkumpulan mewujudkan interaksi sosial dan merapatkan hubungan antara ahli masyarakat selain membina kemahiran sosial, juga memberi faedah fizikal dan mental. Permainan tradisional juga memberikan manfaat terhadap kecerdasan rohani dan jasmani ketika bermain terutama di luar rumah.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'30 permainan tradisi makin pupus'  
oleh Mohamad Shofi Mat Isa,  
*Utusan Malaysia online*, 2 Ogos 2022.

**Bahan 2**

Kini, permainan tradisional ini *kian dilupakan* disebabkan oleh perkembangan teknologi dan arus kemodenan sehingga apabila ditanyakan kepada golongan muda pada masa ini, rata-rata tidak mengetahui cara permainan tradisional ini dimainkan. Hal ini disebabkan oleh golongan ini dilahirkan pada zaman serba canggih dengan permainan video dan telefon pintar, terutamanya bagi mereka yang menetap di kota.

Berbanding dengan permainan moden, permainan tradisional ini dapat dimainkan oleh setiap peringkat umur. Permainan tradisional juga dapat dimainkan di mana-mana sahaja sama ada di dalam rumah atau di luar rumah selain tidak memerlukan belanja yang besar. Pembuatan wau tradisional misalnya, hanya memerlukan bahan semula jadi seperti buluh, kertas dan tali untuk menghasilkannya.

Dipetik dan diubah suai daripada,  
*Memori Yang Tiada Tara Nilainya*  
oleh Muhammad Lutfi Zahid,  
*Dewan Budaya*, Bil.11 2020.

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *kian dilupakan* [2 markah]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kelebihan permainan tradisional. [3 markah]

(iii)

**Mungkin selama ini, mereka lebih menganggap permainan tradisional ketinggalan zaman**

Pada pendapat anda, selain dianggap permainan yang hanya sesuai untuk masyarakat dahulu, apakah punca-punca permainan tradisi dipinggirkan oleh generasi pada masa ini? [3 markah]

(iv) Pak Man merupakan seorang yang sangat mencintai adat budaya masyarakat Malaysia. Beliau juga merupakan seorang pembuat permainan wau kapal yang terkenal di negeri Selangor.

Sebagai anaknya, apakah yang boleh anda lakukan untuk membantu bapa anda dalam usahanya agar generasi muda mengenali dan memainkan permainan wau ini?

[4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

Walaupun cerita itu laksana mimpi yang kabur dan sukar ditafsirkan, kami tetap berasa lega dan menyembahkan syukur.

Misai terunanya tak ubah macam bulu roma, tetapi perawakannya sangat mengesankan. Pada suatu hari, pada tahun 1946, selesai mengaminkan solat isyak, dia mengengsot merapati Imam Ngah Deraman, bersalaman sambil berbisik.

Imam Ngah Deraman berbisik pula kepada Penghulu Ibrahim Sigap. Sebaik-baik saja kedua-duanya menganggukkan kepala, Ahmad Mutawakkil tersenyum lalu berdiri.

“Alhamdulillah ... berkat pimpinan Datuk Onn, perhimpunan pemimpin kita yang diadakan di Johor pada 4 Mei yang lalu telah berjaya menubuhkan PERKEMBAR. Inggeris sudah membatalkan Malayan Union.”

Kami melihat nyala semangat dalam dua bola matanya. Suaranya bersahaja, tetapi setiap patah perkataan yang disebutnya cukup untuk menyemarakkan hati sanubari kami.

“Apa-apa pun,” sambung Ahmad Mutawakkil, “jangan lupa tentang matlamat utama kita – Tanah Melayu mesti merdeka!”

Dipetik daripada cerpen *Cinta Ahmad Mutawakkil*  
karya Zainal Rashid Ahmad  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia



**MEMORI TANAH AIRKU**

Siti Nurfatimah A Rahman

Union Jack penuh mengalah dilabuhkan  
tertegakanya 14 jalur, bintang dan bulan  
saat berkibarnya jalur gemilang di awangan  
tepukan gemuruh daripada rakyat diberikan  
kerana insan bernama Tunku Abdul Rahman  
tersematlah 31 Ogos sebagai sambutan.

Titisan air mata tanda bahagia  
tidak sia-sia perjuangan moyang kita  
laungan merdeka, merdeka, merdeka  
akan terus dilaungkan dengan penuh cinta.

Terimbau jeritan penuh penyeksaan  
terungkap segala galau dan kesedihan  
setitis darah yang mengalir perlahan  
sudah cukup membuatkan jiwa penasaran

Tangisan keras dapat kudengari  
meskipun aku belum wujud di Tanah Melayu lagi  
namun desas-desus cerita yang hakiki  
membuatkan aku menyanjungi pemimpin bahari

Dipetik daripada  
*Dewan Siswa, 2021*

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah sifat-sifat Ahmad Mutawakkil yang disenangi oleh penduduk kampung?  
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan semangat rakyat yang ingin menuntut kemerdekaan?  
[3 markah]
- (iii) Generasi muda pada hari ini kurang memahami tentang sejarah negara bangsa sebaliknya banyak mengakses dunia digital dan hiburan sehingga terlupa dengan semangat nasionalisme pejuang-pejuang terdahulu?  
Pada pendapat anda, selain dipengaruhi dunia digital dan hiburan, apakah cabaran-cabaran memupuk semangat patriotisme dalam diri generasi muda?  
[4 markah]
- (iv) Kelab Sejarah telah menganjurkan aktiviti sempena Bulan Kemerdekaan di peringkat sekolah. Namun, kurang mendapat sambutan daripada murid-murid  
Sebagai presiden kelab, apakah usaha-usaha yang perlu anda lakukan supaya dapat menarik minat murid-murid menyertai pertandingan tersebut?  
[4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sejak menjadi anggota tentera, suasana berhari raya di kampung telah lama tidak dirasai oleh Adnan. Kini dia merasainya semula apabila dibenarkan bercuti. Dapatlah dia berhari raya bersama-sama keluarga. Dia menitikkan air mata gembira apabila melihat halaman rumah di sekelilingnya dihiasi lampu pelita. Perasaannya tersentuh apabila melihat kanak-kanak berlari-lari riang sambil bermain bunga api. Hatinya sayu apabila mendengar takbir bergema.

Dia teringat akan kenangan silamnya ketika menyambut hari raya bersama-sama ayah, ibu, dan adik-adiknya. Pada malam hari raya, mereka sekeluarga berkumpul sambil menjamu selera dengan memakan lemang, rendang, dan kuih-muih.

Biasanya sehari sebelum hari raya tiba, mereka sibuk membuat persiapan terakhir bagi menyambut kedatangan hari lebaran itu.

Dipetik daripada *Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa*  
Karya Abdul Latip Bin Talib  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan di atas, nyatakan perasaan Adnan apabila dapat menyambut hari raya bersama-sama keluarga.

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (b) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Nor
- (c) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (d) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (e) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (f) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (g) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang menunjukkan sikap tanggungjawab dalam kehidupan.

[6 markah]

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**  
[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

<b>Bahan 1</b>
----------------

Istilah alam siber digunakan secara meluas untuk menggambarkan sesuatu yang berkaitan dengan komputer dan teknologi. Internet merujuk dunia dalam talian sebagai media komunikasi. Setiap individu di alam siber mempunyai kuasa tersendiri dengan bersembunyi di sebalik nama samaran. Keadaan ini mendedahkan pengguna kepada jenayah siber seperti penipuan menerusi Internet yang melibatkan kerugian wang ringgit, khususnya menerusi laman sesawang "bank palsu". Oleh itu, pengguna jangan sewenang-wenang mengklik pautan yang diterima.

Perkongsian dan pertukaran maklumat berlaku setiap saat menerusi e-mel, media sosial serta aplikasi pesanan ringkas seperti WhatsApp. Perkara tersebut telah membuka peluang kepada penjenayah siber untuk melancarkan serangan. Pengguna perlu memastikan kata laluan sentiasa dilindungi supaya lebih selamat dan sukar diakses oleh orang lain. Sehubungan dengan itu, pengguna jangan sesekali membuka e-mel yang meragukan daripada pihak tertentu. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak kes jenayah dan salah laku sosial bermula daripada ruangan sembang di Internet. Masalah ini kian membimbangkan dan sukar ditangani kerana terdapat pengguna yang belum matang untuk berfikir.

Dalam dunia Internet, penjenayah mampu menceroboh sistem komputer atau menggodam e-mel pengguna. Ciri-ciri Internet yang bersifat laju dan tanpa sempadan menyukarkan pihak berkuasa mengenal pasti pelaku untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Penjenayah siber lazimnya menggunakan alamat IP samaran untuk menyembunyikan identiti kerana mereka sangat mahir menggunakan Internet. Sehubungan dengan itu, pengguna hendaklah berhati-hati apabila bersembang dengan orang yang tidak dikenali di alam siber.

Kesimpulannya semua pihak perlu berganding bahu membanteras jenayah siber agar masyarakat tidak menjadi mangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana jenayah siber mampu menyebabkan pelbagai kesan negatif kepada pengguna dan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada,  
"Etika di Alam Siber"  
oleh Zuraidah Hanim binti Md. Akhir,

**Bahan 2**

**Pantun Siber**

Sinar purnama kian terang,  
Kelam hilang penyeri angkasa;  
Semakin canggih teknologi sekarang,  
Penipuan siber kian berleluasa.

Anak teruna pergi berjaja,  
Jauh berjalan terputus capal;  
Penjenayah siber kian beraja,  
Kerana hukuman tidak setimpal.

Berkelana pertapa jauh kembara,  
Bawa bekalan secupak beras;  
Penguatkuasaan lemah jadi angkara,  
Jenayah siber sukar dibanteras.

**Bahan 3**

-Tidak menggunakan wi-fi awam dalam urusan perbankan.

-Semak latar belakang kenalan di media sosial.

**JENAYAH SIBER**

Penipuan dalam teknologi maklumat dan kecurian maklumat peribadi.